

# Negara2 ahli tak mahu terima putusan PBB patut disalahkan-Dr.M

UM 25 OCT 1985

KUALA LUMPUR 24 Okt. — Negara - negara anggota Bangsa - Bangsa Bersatu yang tidak mahu menerima keputusan yang dibuat oleh badan dunia itu serta tidak sanggup berpegang kepada piagamnya patut disalahkan, sekiranya pertubuhan tersebut gagal menjamin keamanan dunia, tegas Perdana Menteri hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir

Mohamad berkata, "negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu bertanggungjawab bagi memastikan badan dunia ini terus berfungsi pada masa depan dan kita mestilah berusaha supaya badan dunia ini tidak lumpuh. Sokongan yang bertepatan adalah unsur penting bagi badan dunia ini mencapai kemajuan."

Menurut beliau, pertu-

buhan itu telah mencatatkan beberapa kejayaan serta kegagalan dalam menyelesaikan krisis - krisis sepanjang 40 tahun ini.

Bagaimanapun, katanya semasa berucap sempena perayaan ulangtahun ke 40 pertubuhan itu di bangunan Parlimen, satu sikap dan pandangan baru hendaklah diabadikan terutamanya bagi mengatasi krisis -krisis antarabangsa di masa akan datang.

Dalam perayaan anjuran Persatuan Bangsa - Bangsa Bersatu di Malaysia (UNMA) itu, seramai 350 orang kanak - kanak sekolah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah menyanyikan lagu "We Are The World". Para hadirin termasuk Perdana Menteri, isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan perwakilan asing turut menyanyikan lagu itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah mencadangkan supaya "We Are The World" dijadikan motto persatuan tersebut yang baru ditubuhkan itu.

Turut berucap dalam majlis tersebut ialah wakil Bangsa - Bangsa Bersatu di Malaysia, Encik Bjorn Carlssen dan Timbalan Presiden UNMA, Tun Omar Ong Yoke Lin.

Dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir mengajak semua pihak sempena sambutan itu bertekad menghormati prinsip - prinsip yang terkandung di dalam Piagam Bangsa - Bangsa Bersatu serta mengenang kembali kejayaan dan kegagalan badan dunia itu di sam-

(LIHAT MUKA 6)

## “Mereka patut disalahkan”

ping memikirkan masa de-  
pannya.

“Empat puluh tahun lalu,  
ahli - ahli utama yang  
mengasaskan penubuhan  
badan dunia ini bercita - ci-  
ta membela nasib generasi

akan datang daripada ma-  
lapetaka dan kezabab  
berlakunya satu lagi per-  
ang dunia,” ujar beliau.

Menurut beliau, piagam  
badan dunia itu memper-  
untukkan prinsip - prinsip

yang memastikan kea-  
manan, hak - hak asasi,  
keadilan dan kejujuran  
undang - undang serta pem-  
angunan ekonomi di ka-  
langan negara - negara  
yang bebas daripada jajah-  
an dan cengkaman.

“Walaupun kita telah  
menyaksikan pertelingkah-  
an dan peperangan, kita  
harus juga berbangga ba-  
hawa melalui Pertubuhan  
Bangsa - Bangsa Bersatu  
itu, kita telah dapat meng-  
elakkan perpecahan atau  
peperangan yang besar se-  
perti peperangan dunia  
pertama dan kedua. Dari-  
pada aspek ini, kita harus  
berasa bangga dengan per-  
anan yang telah dimainkan  
oleh Pertubuhan Bangsa -  
Bangsa Bersatu,” ujar be-  
liu.

Bagaimanapun, tambah  
beliau, masih terdapat be-  
berapa gejala yang me-  
nyedihkan dalam perhu-  
bungan negara - negara  
yang menjadi anggota Per-  
tubuhan Bangsa - Bangsa  
Bersatu.

Sekarang ini, jelas Per-  
dana Menteri, negara - ne-  
gara anggota secara tidak  
langsung dibahagikan ke-  
pada negara - negara kaya  
dan miskin, yang lemah  
dan yang kuat, bahkan  
pembahagian kepada ne-  
gara - negara maju dan  
negara - negara mundur.

Beliau memberi jaminan  
bahawa Malaysia akan ter-  
us memberi sokongan ke-  
pada badan dunia itu atas  
usaha badan itu yang men-  
datangkan manfaat bersa-  
ma.